



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 81

AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

Tarikh Perkenan Diraja 5 Julai 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 13 Julai 1972

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1994

Cetakan Semula Yang Kedua 1999

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 81

AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Orang yang disifatkan sebagai pemegang pajak gadai

BAHAGIAN IA PENTADBIRAN

- 3A. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Inspektor, pegawai dan pekhidmat lain
- 3B. Perwakilan kuasa Pendaftar

BAHAGIAN IB PELUASAN TANGGUNGAN PEMEGANG PAJAK GADAI DAN HAK PEMAJAK GADAI KEPADA ORANG TERTENTU

4. Pemakaian Akta bagi wasi, dsb., bagi pemegang pajak gadai
5. Tanggungan pemegang pajak gadai kerana perbuatan ejen atau pekhidmat
6. Peluasan hak, dsb., pemajak gadai kepada penerima serah hak, wasi, dsb.

BAHAGIAN II LESEN PEMEGANG PAJAK GADAI

7. Lesen hendaklah diambil oleh pemegang pajak gadai
8. Permohonan bagi lesen
- 8A. Hal keadaan lesen tidak boleh diberikan

Seksyen

9. Pemberian lesen
10. Tempoh lesen
- 10A. Syarat boleh dilampirkan pada lesen
- 10B. Pembaharuan lesen
- 10C. Kehendak supaya lesen dipamerkan
11. Pembatalan dan penggantungan lesen
- 11A. Peluang untuk didengar
- 11B. Rayuan kepada Menteri
- 11C. Kesahan lesen dilanjutkan dalam rayuan yang berjaya
- 11D. Larangan permohonan yang serupa apabila permohonan yang terdahulu masih menunggu keputusan rayuan
- 11E. Penyerahan lesen
- 11F. Pemindahan atau pemindahhakan lesen dilarang
- 11G. Kewajipan pemegang pajak gadai apabila habis tempoh lesen
12. Premis pajak gadai hendaklah masih lagi dibuka selepas tamat lesen bagi penebusan sandaran
13. Pendaftar boleh mengeluarkan perintah kepada pemegang lesen supaya menyerahkan sandaran, buku dan akaun apabila tamat lesen, dsb.
- 13A. Buku, akaun atau dokumen hendaklah dikemukakan

BAHAGIAN IIA

IKLAN

- 13B. Iklan oleh pemegang lesen
- 13C. Permohonan bagi permit iklan

BAHAGIAN III

PEMAJAKGADAIAN DAN PNEBUSAN

14. Mencatatkan urusan pemajakgadaian dalam buku dan mengeluarkan surat pajak gadai
15. Pemajak gadai hendaklah memberikan maklumat yang benar kepada pemegang lesen
16. Waktu perniagaan dan sekatan tentang penerimaan barang sebagai pajak gadai dan menjalankan perniagaan lain
17. Kadar keuntungan
18. Tempoh dan syarat penebusan
19. Melanjutkan masa penebusan
20. Pemegang pajak gadai boleh enggan menyerahkan sandaran

Seksyen

21. Tatacara apabila surat pajak gadai hilang
22. Tanggungjawab pemegang pajak gadai berkenaan dengan sandaran
23. Sandaran yang tidak ditebus dalam tempohnya
24. Hak pemegang surat pajak gadai bagi memeriksa buku jualan
25. Obligasi pemegang pajak gadai untuk mengakaunkan lebihan dalam tempoh empat bulan tertakluk kepada tolakan
26. Melupuskan lebihan yang tidak dituntut
27. Perbendaharaan hendaklah membayar pihak menuntut yang sah

BAHAGIAN IV

MENCEGAH URUSAN YANG MENYALAH
UNDANG-UNDANG

28. Pemajakgadaian yang menyalahi undang-undang
29. Kewajipan pemegang lesen untuk menyiasat apabila transaksi yang dicadangkan menimbulkan syak
30. Anggapan mengenai pemilikan surat pajak gadai
31. Harta curi
32. Pegawai polis boleh menangkap orang dalam hal keadaan yang menimbulkan syak
33. (*Dipotong*)
34. Pemulangan sandaran yang didapati dengan curang kepada pemunya oleh pemegang pajak gadai

BAHAGIAN IVA

PENYIASATAN, PENGGELEDAHAN DAN TANGKAPAN

- 34A. Kuasa untuk menyiasat aduan dan menyelidiki maklumat
- 34B. Kuasa Inspektor atau pegawai polis semasa penyiasatan
- 34C. Kuasa memeriksa orang
- 34D. Penggeledahan dengan waran
- 34E. Penggeledahan tanpa waran
- 34F. Penyitaan harta alih
- 34G. Peruntukan lanjut yang berhubungan dengan penyitaan harta alih
- 34H. Pelepasan harta yang disita
- 34I. Halangan siasatan dan penggeledahan
- 34J. Kesalahan yang boleh disita
- 34K. Kuasa untuk bertindak

BAHAGIAN IVb
KETERANGAN

Seksyen

- 34L. Keterangan rakan sejenayah dan ejen provokasi
- 34M. Perlindungan kepada pemberi maklumat dan maklumat
- 34N. Kebolehterimaan pernyataan oleh orang yang dituduh
- 34O. Peruntukan mengenai keterangan

BAHAGIAN V
PERBICARAAN DAN PROSIDING

- 35. Majistret Kelas Pertama mempunyai bidang kuasa di bawah Akta ini
- 36. Hadiah kepada pemberi maklumat
- 37. Notis awam
- 38. (*Dipotong*)

BAHAGIAN VI
PENALTI DAN PELUCUTHAKAN

- 39. Pernyataan palsu atau representasi untuk mendorong pemajakgadaan menjadi suatu kesalahan
- 40. Kesalahan am
- 41. Kesalahan oleh awam
- 41A. Penalti am
- 42. Pelucuthakan barangan

BAHAGIAN VII
AM

- 43. Pendakwaan
- 43A. Kesalahan oleh syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain
- 43B. Penyampaian pemberitahuan atau dokumen
- 43C. Kuasa untuk mengkompaun
- 44. (*Dipotong*)
- 45. Kuasa membuat peraturan-peraturan
- 46. Pengecualian
- 46A. Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian
- 47. Pemansuhan
- 48. Peruntukan peralihan dan kecualian
- 49. Penerusan prosiding jenayah dan sivil

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 81

AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

Suatu Akta bagi mengawal selia dan mengawal perniagaan pajak gadai, perlindungan pemajak gadai dan sandaran yang dipajakgadaikan dalam perjalanan perniagaan sedemikian, dan perkara yang berkaitan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—2 Januari 1973,
P.U. (B) 535/1972*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akaun Amanah Disatukan” ertinya Akaun Amanah Persekutuan Disatukan yang disenggarakan menurut perenggan 7(c) dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*];

“Akaun Hasil Disatukan” ertinya Akaun Hasil Persekutuan Disatukan yang disenggarakan menurut perenggan 7(a) dalam Akta Tatacara Kewangan 1957;

“buku pemegang pajak gadai” ertinya buku yang disebut dalam seksyen 14;

“Inspektor” ertinya Inspektor Pemegang Pajak Gadai yang dilantik di bawah subseksyen 3A(1);

“lesen” ertinya lesen yang diberikan di bawah seksyen 9;

“pegawai polis” ertinya pegawai polis kanan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Polis 1967 [*Akta 344*];

“pelelong berlesen” ertinya mana-mana orang yang diberi lesen dengan sempurnanya untuk menjalankan jualan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan jualan secara lelong awam;

“pemajak gadai” ertinya seseorang yang menyerahkan sesuatu barang untuk pajak gadai kepada seseorang pemegang pajak gadai;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana pemegang pajak gadai yang telah diberi lesen di bawah seksyen 9;

“pemegang pajak gadai” ertinya orang yang menjalankan perniagaan pemajakgadaian;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Pemegang Pajak Gadai yang dilantik di bawah subseksyen 3A(1);

“Perniagaan pemegang pajak gadai” termasuklah perniagaan mengambil barang sebagai pajak gadai;

“premis” ertinya tempat seseorang menjalankan perniagaan sebagai pemegang pajak gadai;

“sandaran” ertinya apa-apa harta perseorangan yang ketara selain daripada hak dalam tindakan, hakmilik, sekuriti atau keterangan bercetak mengenai keberhutangan, yang disimpan atau diserahkan ke dalam milikan seseorang pajak gadai;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1.

Orang yang disifatkan sebagai pemegang pajak gadai

3. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) menerima atau mengambil daripada mana-mana orang jua pun apa-apa barang sebagai cagaran terhadap pembayaran balik apa-apa jumlah wang, tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit, yang didahulukan atas cagaran itu; atau
- (b) membeli atau menerima atau mengambil barangan dan membayar atau mendahulukan atau meminjamkan atasnya apa-apa jumlah wang, tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit, dengan atau di bawah sesuatu perjanjian atau persefahaman yang dinyatakan atau tersirat atau yang dari keadaan dan jenis urusan itu dapat disimpulkan dengan munasabah bahawa barangan itu boleh kemudiannya ditebus atau dibeli kembali mengikut apa-apa syarat,

hendaklah disifatkan sebagai seorang yang menjalankan perniagaan mengambil barangan sebagai pajak gadai, dan tiap-tiap transaksi, barang, bayaran, pendahuluan dan pinjaman itu masing-masing hendaklah disifatkan sebagai pemajakgadaian, sandaran atau pinjaman dalam erti Akta ini.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1209*)

BAHAGIAN IA

PENTADBIRAN

Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Inspektor, pegawai dan pekhidmat lain

3A. (1) Bagi maksud Akta ini, Menteri boleh melantik seorang Pendaftar Pemegang Pajak Gadai dan apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar Pemegang Pajak Gadai, Inspektor Pemegang Pajak Gadai, pegawai dan pekhidmat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri daripada kalangan anggota perkhidmatan awam.

(2) Pendaftar dan Timbalan Pendaftar hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan kepada seseorang Inspektor oleh atau di bawah Akta ini.

Pewakilan kuasa Pendaftar

3B. (1) Pendaftar boleh, secara bertulis, mewakilkan kesemua atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini, kecuali kuasanya untuk membuat perwakilan, kepada mana-mana Timbalan Pendaftar atau Inspektor yang dilantik di bawah subseksyen 3A(1).

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Pendaftar boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini berkenaan dengan penyiasatan kesalahan di bawah Akta ini dan penguatkuasaan peruntukan Akta ini kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai sesuatu pihak berkuasa tempatan.

(3) Mana-mana perwakilan di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pendaftar dan tidak menghalang Pendaftar daripada menjalankan sendiri kuasa atau melaksanakan fungsi yang diwakilkan sedemikian.

BAHAGIAN IB**PELUASAN TANGGUNGAN PEMEGANG PAJAK GADAI
DAN HAK PEMAJAK GADAI KEPADA ORANG
TERTENTU****Pemakaian Akta bagi wasi, dsb., bagi pemegang pajak gadai**

4. Peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pemegang lesen hendaklah diperluas kepada dan meliputi wasi atau pentadbir pemegang lesen yang telah mati, kecuali bahawa seseorang wasi atau pentadbir tidak bertanggungjawab sendiri atau daripada harta pusakanya sendiri bagi apa-apa penalti atau pelucuthakan, melainkan jika penalti atau pelucuthakan itu dikenakan kerana perbuatan atau keabaianya sendiri.

Tanggungan pemegang pajak gadai kerana perbuatan ejen atau pekhidmat

5. (1) Apabila mana-mana pemegang lesen boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya kerana apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama kerana tiap-tiap satu perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran mana-mana ejen atau pekhidmat yang diambil kerja dengannya dalam masa menjalankan perniagaannya sebagai pemegang lesen itu.

(2) Tiap-tiap ejen atau pekhidmat yang diambil kerja dengan mana-mana pemegang lesen dalam masa menjalankan perniagaannya sedemikian boleh juga, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkarannya, dikenakan tiap-tiap hukuman atau penalti yang dinyatakan bagi perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkarannya yang berlawanan dengan peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya seolah-olah ejen atau pekhidmat itu ialah pemegang lesen.

Peluasan hak, dsb., pemajak gadai kepada penerima serah hak, wasi, dsb.

6. Hak, kuasa dan faedah di bawah Akta ini yang dikhaskan dan diberikan kepada pemajak gadai hendaklah diperluas kepada, dan disifatkan sebagai dikhaskan dan diberikan kepada, penerima serah hak pemajak gadai, dan kepada wasi atau pentadbir pemajak gadai yang telah mati; tetapi mana-mana orang yang menyatakan dirinya kepada seseorang pemegang lesen sebagai penerima serah hak, wasi atau pentadbir seseorang pemajak gadai hendaklah, jika dikehendaki oleh pemegang lesen itu, mengemukakan kepadanya suratan serah hak, probet, surat kuasa mentadbir pusaka atau surat cara lain yang di bawahnya dia membuat tuntutan.

BAHAGIAN II

LESEN PEMEGANG PAJAK GADAI

Lesen hendaklah diambil oleh pemegang pajak gadai

7. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan sebagai pemegang pajak gadai melainkan jika dia memegang suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan sebagai pemegang pajak gadai tanpa lesen yang sah, atau yang terus menjalankan perniagaan sedemikian selepas lesennya habis tempoh atau telah digantung atau dibatalkan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang kedua atau seterusnya boleh juga dikenakan sebatan sebagai tambahan kepada hukuman itu.

Permohonan bagi lesen

8. (1) Permohonan bagi mendapatkan lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pemegang pajak gadai hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan, dan disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Pendaftar boleh secara bertulis, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu tetapi sebelum permohonan itu diputuskan, menghendaki supaya pemohon mengemukakan dalam masa yang dinyatakan atau dalam apa-apa lanjutan masa yang dibenarkan oleh Pendaftar, apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu oleh Pendaftar bagi maksud menentukan kesesuaian pemohon bagi lesen itu.

(3) Jika mana-mana dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak dikemukakan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam kehendak itu atau dalam apa-apa lanjutan masa yang dibenarkan oleh Pendaftar, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (3), pemohon boleh mengemukakan permohonan baru bagi mendapatkan lesen kepada Pendaftar, tetapi permohonan itu tidak boleh dibuat semasa permohonannya bagi mendapatkan lesen masih belum diputuskan oleh Pendaftar.

Hal keadaan lesen tidak boleh diberikan

8A. (1) Lesen yang dipohon di bawah seksyen 8 tidak boleh diberikan—

(a) jika—

- (i) apabila pemohon merupakan orang individu, pemohon itu;
- (ii) apabila pemohon merupakan suatu syarikat, pengarah, pengurus besar, pengurus atau setiausaha bagi syarikat itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa dalam syarikat itu;
- (iii) apabila pemohon merupakan suatu pertubuhan, presiden, naib presiden, setiausaha atau bendahari

bagi pertubuhan itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa dalam pertubuhan itu;

- (iv) apabila pemohon merupakan suatu firma atau kumpulan orang yang lain, pekongsi atau mana-mana anggota firma atau kumpulan orang itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa itu,

ialah orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan, atau kesalahan di bawah Bab XVI atau XVII Kanun Keseksaan [*Akta 574*], atau seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(b) jika pada masa permohonan itu dibuat—

- (i) apabila pemohon merupakan orang individu, pemohon itu;
- (ii) apabila pemohon merupakan suatu syarikat, pengarah, pengurus besar, pengurus atau setiausaha bagi syarikat itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa dalam syarikat itu;
- (iii) apabila pemohon merupakan suatu pertubuhan, presiden, naib presiden, setiausaha atau bendahari bagi pertubuhan itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa dalam pertubuhan itu;
- (iv) apabila pemohon merupakan suatu firma atau kumpulan orang yang lain, pekongsi atau mana-mana anggota firma atau kumpulan orang itu atau mana-mana orang yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa itu,

telah, disebabkan oleh suatu sabitan bagi kesalahan di bawah Akta ini, dihukum denda yang melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan (selain pemenjaraan kerana ingkar membayar denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit);

- (c) jika pemohon bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana perniagaan pemegang pajak gadai, dan lesen bagi perniagaan itu telah dibatalkan;

(d) jika keterangan yang memuaskan telah dikemukakan—

- (i) apabila pemohon merupakan orang individu, pemohon itu;
- (ii) apabila pemohon merupakan suatu syarikat, pengarah, pengurus besar, pengurus atau setiausaha bagi syarikat itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa dalam syarikat itu;
- (iii) apabila pemohon merupakan suatu pertubuhan, presiden, naib presiden, setiausaha atau bendahari bagi pertubuhan itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa dalam pertubuhan itu;
- (iv) apabila pemohon merupakan suatu firma atau kumpulan orang yang lain, pekongsi atau mana-mana anggota firma atau kumpulan orang itu atau mana-mana orang lain yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa itu,

berwatak buruk atau bukanlah orang yang layak dan patut untuk memegang lesen.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pendaftar untuk mengeluarkan lesen boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Pemberian lesen

9. (1) Walau apa pun subseksyen 8(2) atau (3), Pendaftar boleh, apabila menerima suatu permohonan bagi lesen di bawah subseksyen 8(1), memberikan atau enggan untuk memberikan lesen kepada pemohon, dan Pendaftar hendaklah memaklumkan kepada pemohon keputusannya.

(2) Lesen itu hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan.

(3) Pemohon hendaklah membayar fi permohonan yang ditetapkan bagi lesen itu kepada Pendaftar apabila dimaklumkan oleh Pendaftar mengenai kelulusan permohonannya untuk lesen itu.

Tempoh lesen

10. (1) Tertakluk kepada seksyen 11c dan subseksyen (3), sesuatu lesen hendaklah, melainkan jika dibatalkan lebih awal, sah bagi tempoh tidak melebihi dua tahun.

(2) Apabila lesen diberikan, Pendaftar hendaklah menyatakan dalam lesen itu tarikh lesen itu mula berkuat kuasa dan tarikh habis tempohnya.

(3) Jika pada tarikh habis tempoh lesen itu suatu permohonan bagi pembaharuan lesen itu di bawah seksyen 10B masih belum diputuskan oleh Pendaftar, lesen itu hendaklah kekal berkuat kuasa sehingga permohonan itu diputuskan, atau enam puluh hari selepas tarikh habis tempoh lesen itu, mengikut mana-mana yang terdahulu.

Syarat boleh dilampirkan pada lesen

10A. (1) Pendaftar boleh mengenakan dalam lesen itu apa-apa syarat yang difikirkannya sesuai dan Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh sah lesen itu, menambah, membatalkan atau mengubah mana-mana syarat itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pembaharuan lesen

10B. (1) Sesuatu permohonan oleh pemegang lesen bagi pembaharuan lesennya hendaklah dibuat sekurang-kurangnya enam puluh hari sebelum tarikh habis tempoh lesen itu, dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pendaftar boleh, tertakluk kepada pembayaran penalti tidak melebihi tiga ratus ringgit oleh pemegang lesen itu, membenarkan permohonan bagi pembaharuan suatu lesen dibuat kurang daripada enam puluh hari dari tarikh habis tempoh lesen itu, tetapi tiada permohonan bagi pembaharuan itu boleh dibenarkan jika permohonan itu dibuat selepas tarikh habis tempoh lesen itu.

(3) Jika pemegang lesen itu tidak memohon untuk memperbaharui lesen sebelum tarikh habis tempoh lesen itu, dia tidak berhak untuk membuat permohonan baru bagi mendapatkan lesen dalam tempoh dua tahun dari tarikh habis tempoh lesen itu.

(4) Pemegang lesen hendaklah membayar fi yang ditetapkan bagi pembaharuan lesen kepada Pendaftar apabila diberitahu oleh Pendaftar mengenai kelulusan permohonannya untuk pembaharuan itu.

Kehendak supaya lesen dipamerkan

10c. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di bahagian yang ketara premis tempat dia menjalankan perniagaan pemegang pajak gadainya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan dan penggantungan lesen

11. (1) Jika pemegang lesen—

- (a) telah menjalankan perniagaan pemegang pajak gadainya, yang pada pendapat Pendaftar, mengikut cara yang memudaratkan kepentingan pemajak gadaai atau mana-mana orang awam;
- (b) sebagai—
 - (i) seorang individu, yang telah diisytiharkan bankrap;
 - (ii) suatu syarikat, yang telah digulung atau dibubarkan oleh mahkamah;
 - (iii) suatu perkongsian, firma atau kumpulan orang, yang telah dibubarkan;
- (c) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) telah dilesenkan akibat daripada fraud atau kesilapan atau salah nyataan tentang mana-mana butir material; atau
- (e) telah tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pendaftar,

maka Pendaftar boleh, tertakluk kepada seksyen 11A, membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada pemegang lesen itu atau menggantung lesen itu selama tempoh yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(2) Pembatalan atau penggantungan lesen di bawah seksyen ini tidak menjejaskan mana-mana transaksi pajak gadai yang dibuat sebelum pembatalan atau penggantungan sedemikian, selain transaksi yang berkenaan dengannya pembatalan atau penggantungan itu dibuat.

(3) Jika sesuatu lesen telah dibatalkan atau digantung, maka lesen itu tidak mempunyai kesan dari tarikh pembatalan lesen itu atau dalam tempoh penggantungan lesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Peluang untuk didengar

11A. (1) Sebelum membatalkan atau menggantung lesen di bawah seksyen 11, Pendaftar hendaklah memberi pemegang lesen suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan menghendaki pemegang lesen itu mengemukakan sebab mengapa lesen itu tidak boleh dibatalkan atau digantung.

(2) Selepas menimbangkan sebab yang dikemukakan oleh pemegang lesen itu, Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada untuk membatalkan atau menggantung lesen itu, atau tidak mengambil tindakan lanjut, dan Pendaftar hendaklah memberitahu pemegang lesen mengenai keputusannya itu.

Rayuan kepada Menteri

11B. Mana-mana orang yang terkilan dengan mana-mana keputusan yang diambil oleh Pendaftar di bawah seksyen 11 boleh, dalam masa empat belas hari selepas diberitahu mengenai keputusan itu, merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

Kesahan lesen dilanjutkan dalam rayuan yang berjaya

11C. Jika Menteri membenarkan rayuan terhadap pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen di bawah Akta ini, kesahan lesen itu hendaklah dilanjutkan selama tempoh yang bersamaan dengan tempoh lesen itu tidak mempunyai kesan dan tempoh yang dilanjutkan sedemikian hendaklah dinyatakan oleh Pendaftar dalam lesen itu.

Larangan permohonan yang serupa apabila permohonan yang terdahulu masih menunggu keputusan rayuan

11D. (1) Jika pemohon merayu terhadap keengganan Pendaftar untuk memberikan lesen kepadanya, atau pemegang lesen merayu terhadap pembatalan lesennya oleh Pendaftar, dia tidak boleh kemudiannya membuat permohonan bagi mendapatkan lesen sehingga rayuan terhadap keputusan Pendaftar telah ditentukan oleh Menteri.

(2) Sekiranya mana-mana lesen diberikan akibat daripada permohonan terkemudian yang dibuat dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1), lesen yang diberikan sedemikian adalah batal dan tidak mempunyai kesan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Penyerahan lesen

11E. (1) Apabila lesen dibatalkan di bawah seksyen 11, atau jika terdapat rayuan, apabila ditolak rayuan terhadap pembatalan lesen di bawah seksyen 11B, pemegang pajak gadai hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh notis pembatalan, atau notis penolakan rayuan terhadap pembatalan, disampaikan kepadanya, menyerahkan lesennya kepada Pendaftar.

(2) Mana-mana orang yang tidak menyerahkan lesennya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Pemindahan atau pemindahhakan lesen dilarang

11F. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), pemegang lesen tidak boleh memindahkan atau memindahhakan lesennya kepada mana-mana orang lain, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan lesennya atau mengadakan perkhidmatan yang dibenarkan dalam lesen itu.

(2) Pemegang lesen boleh, dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar, melantik mana-mana orang bagi maksud menjalankan mana-mana hak yang diberikan kepadanya di bawah lesen itu, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang sedemikian menjalankan mana-mana hak sedemikian.

(3) Pendaftar boleh membenarkan pemindahan sesuatu lesen jika—

(a) pemegang lesen itu—

(i) sebagai syarikat, dilikuidasikan dan seorang penerima atau pengurus dilantik berhubung dengan perniagaan pemegang pajak gadai syarikat itu; atau

(ii) sebagai pertubuhan, firma atau kumpulan orang yang lain, dibubarkan dan seorang penerima atau pengurus dilantik berhubung dengan perniagaan pemegang pajak gadai pertubuhan, firma atau kumpulan orang yang lain itu; atau

(b) kerana apa-apa sebab lain Pendaftar berpuas hati bahawa adalah adil untuk membenarkan pemindahan sedemikian.

(4) Kecuali jika Pendaftar telah memberikan persetujuan atau kebenarannya di bawah subseksyen (2) atau (3), pemegang lesen yang berupa sebagai memindahkan atau memindahhakan lesennya kepada mana-mana orang lain, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan lesennya atau mengadakan perkhidmatan yang dibenarkan dalam lesen itu, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Kewajipan pemegang pajak gadai apabila habis tempoh lesen

11G. (1) Tiap-tiap pemegang pajak gadai yang diberi lesen di bawah seksyen 9 hendaklah, apabila habis tempoh lesennya—

(a) menghantar suatu notis kepada setiap dan tiap-tiap pemajak gadai tentang hakikat bahawa lesennya sudah habis tempoh; dan

(b) menghantar suatu laporan kepada Pendaftar menyatakan bilangan pemajak gadai yang sandarannya masih dalam simpanannya dan butir-butir bagi setiap sandaran sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Premis pajak gadai hendaklah masih lagi dibuka selepas tamat lesen bagi penebusan sandaran

12. (1) Apabila sesuatu lesen itu tamat atau ditamatkan terlebih dahulu, pemegang pajak gadai itu hendaklah masih lagi membuka premis berlesen itu tiap-tiap hari mulai dari pukul 8 pagi hingga pukul 6 petang bagi penebusan sandaran dan bagi segala maksud Akta ini, kecuali bagi menerima sandaran yang dipajakgadaikan hendaklah terus menjalankan hak dan keistimewaan dan tertakluk kepada kewajipan dan tanggungan seseorang pemegang pajak gadai sehingga kesemua sandaran yang dipegang olehnya sebagai pajak gadai telah ditebus atau sehingga tempoh terakhir bagi penebusan sesuatu sandaran itu telah tamat.

(2) (a) Dengan persetujuan bertulis Pendaftar, pemegang pajak gadai itu boleh membuat suatu kontrak dengan seseorang untuk memikul kewajipan dan tanggungan yang dikenakan dan menjalankan hak dan keistimewaan yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (1) dan, dengan apa-apa persetujuan dan mengikut apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan oleh Pendaftar bagi memberi perlindungan kepada pemajak gadai, boleh memindahkan hakmilik kepada orang itu pemilikan segala sandaran yang dipegang olehnya sebagai pajak gadai, dan orang itu kemudiannya hendaklah disifatkan sebagai pemegang pajak gadai mengenainya.

(b) *(Dipotong oleh Akta A1209)*

(3) Suatu notis mengenai tiap-tiap pemindahan hakmilik hendaklah ditampalkan pada premis pemindah hakmilik dan penerima pindah hakmilik itu dan di tiap-tiap mahkamah, balai polis dan pejabat daerah dan tanah dalam daerah tempat terletakanya premis itu. Notis itu hendaklah juga disiarkan dalam sesuatu akhbar yang diluluskan oleh Pendaftar itu.

(4) Pendaftar boleh membenarkan penerima pindah hakmilik itu menguruskan sandaran yang dipegang sebagai pajak gadai itu di mana-mana tempat tertentu yang lain daripada premis yang berlesen itu, dan memindahkan sandaran tersebut ke situ.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan pemindah itu daripada apa-apa tanggungan di bawah Akta ini kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tidak dilakukan sebelum tarikh pemindahan hakmilik itu.

Pendaftar boleh mengeluarkan perintah kepada pemegang lesen supaya menyerahkan sandaran, buku dan akaun apabila tamat lesen, dsb.

13. (1) Apabila sesuatu lesen yang diberikan di bawah Akta ini tamat atau ditamatkan terlebih dahulu, Pendaftar boleh, jika difikirkannya patut demi kepentingan orang yang telah menyandarkan barangan dengan pemegang lesen yang telah tamat atau ditamatkan lesennya itu, mengeluarkan suatu perintah kepada pemegang lesen itu supaya menyerahkan kepada pegawai yang dinamakan dalam perintah itu segala sandaran yang dipegang sebagai pajak gadai oleh pemegang lesen itu dan segala buku dan akaun yang disimpan olehnya bersangkutan dengan perniagaan pajak gadainya.

(2) Pegawai itu boleh mengambil milik segala sandaran, buku dan akaun itu dan, jika perlu, boleh memasuki kedai yang digunakan oleh pemegang lesen itu dan mengambil milik segala sandaran, buku dan akaun itu dan boleh memindahkannya ke suatu tempat yang selamat.

(3) Pegawai itu hendaklah memegang sandaran itu tertakluk kepada penebusan mengikut cara yang sama dari segala segi seolah-olah sandaran itu telah dipegang oleh pemegang lesen itu.

(4) Setelah ditebus, atau setelah tamat tempoh bagi penebusan segala sandaran yang dipajakgadaikan, pegawai itu hendaklah, apabila dibayar oleh pemegang lesen itu segala perbelanjaan munasabah yang telah dilakukan, menyerahkan kepada pemegang lesen itu jumlah segala wang yang telah diterima daripada pemajak gadai sebagai bayaran wang yang telah dipinjamkan dan keuntungan yang kena dibayar dan segala sandaran yang tidak ditebus dalam tempoh yang ditetapkan dan segala buku dan akaun.

(5) Dengan persetujuan bertulis Pendaftar, pegawai itu boleh membuat sesuatu kontrak berserta penjamin dengan seseorang untuk memegang sandaran itu mengikut syarat sebagaimana dia sendiri berhak memegang sandaran itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam dua subseksyen yang terdahulu, dan boleh, tertakluk kepada syarat itu, memindahkan milikan sandaran, buku dan akaun itu kepada orang itu.

Buku, akaun atau dokumen hendaklah dikemukakan

13A. (1) Tiap-tiap pemegang pajak gadai hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar—

- (a) apa-apa buku, akaun atau dokumen, termasuk data berkomputer, yang mengandungi transaksi pemajakgadaan pemegang pajak gadai itu di premis utamanya dan di setiap premisnya yang lain dalam masa yang boleh ditentukan oleh Pendaftar; dan
- (b) apa-apa maklumat lain yang boleh ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Apa-apa maklumat yang diterima daripada pemegang pajak gadai di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai rahsia.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IIA**IKLAN****Iklan oleh pemegang lesen**

13B. (1) Tiada iklan berkenaan dengan perniagaan pemegang pajak gadai yang dijalankan oleh seseorang pemegang lesen boleh dikeluarkan atau disiarkan atau disebabkan supaya dikeluarkan atau disiarkan oleh pemegang lesen, melainkan jika permit iklan berkenaan dengan iklan itu telah diberikan oleh Pendaftar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Permohonan bagi permit iklan

13C. Sesuatu permohonan bagi permit iklan oleh pemegang lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan dan disertakan dengan apa-apa butir dan dokumen yang ditetapkan.

BAHAGIAN III

PEMAJAKGADAIAN DAN PENEBUSAN

Mencatatkan transaksi pemajakgadaian dalam buku dan mengeluarkan surat pajak gadai

14. (1) Apabila menerima mana-mana barang sebagai pajak gadai, tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mencatatkan dalam suatu buku, butir-butir mengenai transaksi, sandaran dan pemajak gadai, termasuk nama dan alamatnya, yang akan ditetapkan melalui peraturan-peraturan dan menyerahkan kepada pemajak gadai suatu surat pajak gadai mengikut bentuk yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Pemajak gadai hendaklah memberikan maklumat yang benar kepada pemegang lesen

15. (1) Apabila mendepositkan sesuatu barang sebagai pajak gadai, tiap-tiap pemajak gadai apabila diminta hendaklah memberi pemegang lesen apa-apa maklumat yang benar sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud seksyen 14.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

Waktu perniagaan dan sekatan tentang penerimaan barang sebagai pajak gadai dan menjalankan perniagaan lain

16. (1) Tiada seseorang pemegang lesen boleh menerima sebagai pajak gadai—

- (a) apa-apa barang antara pukul 6 petang dengan pukul 8 pagi;
- (b) apa-apa barang daripada mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;

- (ba) apa-apa barang daripada mana-mana orang yang nampaknya mabuk atau tidak sempurna akal;
- (c) apa-apa barang yang ada padanya sesuatu cap atau tanda yang menunjukkan ia harta Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri;
- (d) apa-apa barang yang dia ada sebab munasabah bagi mempercayai, sama ada daripada jenis barang itu atau daripada diri pemajak gadai atau daripada hal keadaan transaksi itu atau selainnya, ditawarkan untuk pemajakgadaian tanpa persetujuan pemunya yang sah.

(2) Tiada seseorang pemegang lesen boleh menjalankan atau menguruskan mana-mana bahagian perniagaan pajak gadainya atau menyimpan apa-apa sandaran yang dipajakgadaikan di mana-mana tempat yang lain daripada premis berlesen itu.

(3) Tiada seseorang pemegang lesen boleh menggunakan premis berlesen itu bagi menjalankan atau menguruskan apa-apa perniagaan selain perniagaan pajak gadai.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Kadar keuntungan

17. (1) Seseorang pemegang lesen boleh mengambil keuntungan atas sesuatu pinjaman yang diberikan atas sesuatu sandaran yang dipajakgadaikan dengan cara caj mengikut apa-apa kadar yang ditetapkan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan tidak boleh meminta atau mengambil apa-apa keuntungan yang lebih daripada kadar yang ditetapkan itu, atau tidak boleh meminta atau mengambil apa-apa jua jumlah wang berkenaan dengan sesuatu pemajakgadaian selain keuntungan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Tempoh dan syarat penebusan

18. (1) Tertakluk kepada Akta ini tiap-tiap pemegang pajak gadai, pada bila-bila masa dalam tempoh enam bulan dari tarikh pemajakgadaian mana-mana barang kepadanya atau dalam sesuatu

tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin telah dipersetujui olehnya dengan pemajak gadai itu hendaklah menyerahkan sandaran itu kepada mana-mana orang yang mungkin mengemukakan surat pajak gadai yang dikeluarkan olehnya berkenaan dengan sandaran itu dan yang mungkin membayar wang yang telah dipinjam atas sandaran itu, dan hendaklah memberi orang itu suatu resit bagi semua wang yang diterima daripada orang itu dan hendaklah merekodkan butir-butir mengenai orang itu dalam buku pemegang pajak gadai itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Melanjutkan masa penebusan

19. Apabila dikemukakan oleh mana-mana orang surat pajak gadai yang telah dikeluarkan oleh pemegang lesen berkenaan dengan sesuatu sandaran dan apabila dibayar jumlah keuntungan yang boleh dikenakan berkenaan dengan pemajakgadaian itu, pemegang lesen hendaklah apabila diminta oleh orang itu melanjutkan tempoh masa sandaran itu boleh ditebus bagi suatu tempoh lagi tidak kurang daripada tiga bulan lamanya. Suatu catatan mengenai tiap-tiap pelanjutan itu hendaklah dibuat dalam buku pemegang pajak gadai itu dan suatu catatan mengenainya hendaklah dibuat dalam surat pajak gadai.

Pemegang pajak gadai boleh enggan menyerahkan sandaran

20. (1) Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam seksyen 18, seseorang pemegang pajak gadai yang mungkin telah menerima notis supaya tidak menyerahkan sesuatu sandaran yang dipajakgadaikan daripada seseorang pegawai polis atau daripada pemunya sandaran atau surat pajak gadai yang dikeluarkan olehnya berkenaan dengan sandaran itu, atau yang mungkin ada sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa mana-mana sandaran atau mana-mana surat pajak gadai yang dikeluarkan olehnya berkenaan dengan sandaran itu telah didapatkan dengan curang, hendaklah melaporkan perkara itu dengan segera ke balai polis yang hampir sekali dan hendaklah menyimpan sandaran itu dalam miliknya sehingga dia dibenarkan menyerahkan sandaran itu oleh pegawai penjaga balai itu atau oleh seorang Majistret.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Tatacara apabila surat pajak gadai hilang

21. Mana-mana orang yang mengaku sebagai berhak untuk memegang apa-apa surat pajak gadai yang dikeluarkan oleh mana-mana pemegang pajak gadai dan yang mengatakan bahawa surat pajak gadai itu telah hilang, binasa atau didapati daripadanya dengan fraud, boleh memohon daripada pemegang pajak gadai itu suatu salinan catatan dalam bukunya mengenai sandaran itu, dan pemegang pajak gadai itu hendaklah memberikan salinan itu dengan percuma dan dengan tidak berlengah; dan walau apa pun peruntukan seksyen 18, hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh permohonan itu enggan menyerahkan barang itu kepada mana-mana orang yang mengemukakan surat pajak gadai itu:

Dengan syarat bahawa apabila mana-mana orang membuat permohonan itu, adalah sah bagi seseorang Majistret memberikan apa-apa perintah kepada pemegang pajak gadai itu mengenai penyerahan sandaran itu atau mengenai pengeluaran suatu surat pajak gadai baharu bagi sandaran itu, mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majistret itu dan pemegang pajak gadai hendaklah menjalankan perintah itu.

Tanggungjawab pemegang pajak gadai berkenaan dengan sandaran

22. (1) Tiap-tiap pemegang pajak gadai hendaklah menjaga sandaran itu dengan cermat dan bersungguh-sungguh sebagaimana seseorang pemunya yang berhemat menjaga hartanya sendiri.

(2) Pemegang pajak gadai hendaklah bertanggungjawab bagi kehilangan atau kerosakan apa-apa sandaran, sama ada kehilangan atau kerosakan sedemikian disebabkan oleh atau akibat daripada kebakaran, kecuaian, peninggalan, kecurian, rompakan atau selainnya.

(3) Dalam hal mana-mana sandaran yang telah binasa atau rosak kerana atau akibat kebakaran, kecuaian, peninggalan, kecurian, rompakan atau selainnya, nilai sandaran itu hendaklah bagi maksud pampasan kepada pemajak gadai itu dikira sebagai satu perempat lebih daripada jumlah pinjaman atasnya.

(4) Apabila mana-mana orang mengadu bahawa mana-mana sandaran yang dipegang oleh seseorang pemegang pajak gadai, yang dia berhak menebus, telah tidak diserahkan kepadanya apabila

diminta dengan sewajar olehnya atau telah menjadi atau dijadikan kurang bernilai berbanding pada masa pemajakgadaian oleh kerana atau disebabkan keingkaran, keabaian atau salah laku pemegang pajak gadai itu, seseorang Majistret boleh, jika difikirkannya patut, memerintahkan supaya pampasan yang munasabah dibayar oleh pemegang pajak gadai kepada orang itu; dan apa-apa wang yang diperintahkan sedemikian supaya dibayar boleh, jika diarahkan sedemikian oleh Majistret, didapatkan balik daripada pemegang pajak gadai itu sebagai suatu denda.

Sandaran yang tidak ditebus dalam tempohnya

23. (1) Jika mana-mana sandaran tidak ditebus sebelum tamat enam bulan dari tarikh pemajakgadaian atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin telah disetujui antara seseorang pemegang pajak gadai dengan pemajak gadai, atau sebagaimana yang dikehendaki mengikut seksyen 19, maka sandaran itu—

- (a) jika dipajakgadaikan untuk sejumlah wang yang tidak lebih daripada dua ratus ringgit, hendaklah menjadi harta pemegang pajak gadai itu; atau
- (b) jika dipajakgadaikan untuk sejumlah wang yang lebih daripada dua ratus ringgit, apabila dilupuskan oleh pemegang pajak gadai itu, hendaklah dilupuskan dengan jualan lelong yang dijalankan oleh pelelong berlesen.

(2) Seseorang pemegang pajak gadai boleh, dalam sesuatu jualan lelong di bawah seksyen ini, membuat tawaran untuk membeli dan membeli sesuatu sandaran yang dipajakgadaikan kepadanya; dan apabila sandaran itu dibeli olehnya, dia hendaklah disifatkan sebagai pemunya mutlak sandaran yang dibeli itu.

(3) Seseorang pemegang pajak gadai hendaklah menghantar kepada Pendaftar pada satu haribulan setiap bulan kalendar suatu senarai mengikut bentuk yang ditetapkan bersama dengan apa-apa bilangan salinan yang dikehendaki oleh Pendaftar itu menunjukkan keputusan jualan sandaran itu dalam bulan yang sebelumnya. Pendaftar hendaklah memastikan supaya senarai itu sentiasa tertampal di pejabatnya dan di tempat awam sebagaimana yang difikirkan perlu olehnya selama tiga bulan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.

Hak pemegang surat pajak gadai bagi memeriksa buku jualan

24. Pada bila-bila masa dalam tempoh empat bulan selepas pelelongan di mana sesuatu sandaran yang dipajakgadaikan untuk wang berjumlah melebihi dua ratus ringgit telah dijual, pemegang pajak gadai hendaklah, apabila diminta, membenarkan pemegang surat pajak gadai itu memeriksa catatan mengenai jualan itu dalam buku pemegang pajak gadai itu dan dalam katalog yang telah diisi mengenai pelelongan itu yang telah disahkan dengan tandatangan pelelong berlesen itu atau dalam mana-mana satu daripadanya.

Obligasi pemegang pajak gadai untuk mengakaunkan lebihan dalam tempoh empat bulan tertakluk kepada tolakan

25. (1) Jika sesuatu sandaran yang dipajakgadaikan untuk wang berjumlah melebihi dua ratus ringgit dijual, dan didapati dari buku pemegang pajak gadai itu bahawa sandaran itu telah dijual untuk wang berjumlah lebih daripada jumlah pinjaman dan keuntungan yang kena dibayar di bawah seksyen 17 pada masa jualan itu, pemegang pajak gadai itu hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas jualan itu menghantar dengan pos berdaftar kepada pemajak gadai di alamat pemajak gadai itu yang dicatatkan dalam buku pemegang pajak gadai di bawah seksyen 14 suatu penyata dalam borang yang ditetapkan dan suatu notis bahawa wang lebihan akan dibayar kepada pemajak gadai jika tuntutan dibuat oleh pemajak gadai dalam masa empat bulan dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemajak gadai itu.

(2) Pemegang pajak gadai hendaklah membayar wang lebihan kepada pemajak gadai jika tuntutan dibuat oleh pemajak gadai itu dalam tempoh empat bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Melupuskan lebihan yang tidak dituntut

26. (1) Jika tiada apa-apa tuntutan bagi lebihan dibuat dalam tempoh empat bulan mengikut subseksyen 25(2), pemegang pajak gadai hendaklah membayar lebihan itu kepada Akauntan Negara dalam tempoh empat belas hari selepas habis tempoh empat bulan itu. Pembayaran itu hendaklah disertai dengan suatu penyata yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Akauntan Negara hendaklah membayar wang yang dibayar di bawah subseksyen (1) kepada Akaun Amanah Disatukan.

(3) Apa-apa lebihan yang tidak dituntut yang dibayar kepada Akaun Amanah Disatukan (setakat yang lebihan itu tidak dibayar di bawah seksyen 27 keluar daripada Akaun Amanah Disatukan) hendaklah dibayar kepada Akaun Hasil Disatukan apabila luput tempoh enam tahun dari tarikh pembayarannya kepada Akaun Amanah Disatukan itu.

(4) Mana-mana pemegang pajak gadai yang tidak membayar apa-apa wang lebihan yang tidak dituntut kepada Akauntan Negara melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan boleh juga didenda selanjutnya tidak kurang daripada satu ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi setiap hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan.

Perbendaharaan hendaklah membayar pihak menuntut yang sah

27. (1) Jika mana-mana pihak menuntut membuat sesuatu tuntutan terhadap Perbendaharaan untuk mendapatkan apa-apa lebihan yang tidak dituntut yang telah dibayar kepada Akaun Amanah Disatukan menurut seksyen 26, Perbendaharaan setelah berpuas hati bahawa pihak menuntut itu ialah pemunya lebihan itu, hendaklah membenarkan pembayaran itu dibuat kepadanya daripada Akaun Amanah Disatukan atau, jika wang yang tidak dituntut itu telah dibayar kepada Akaun Hasil Disatukan, Menteri Kewangan boleh mengarahkan pembayaran wang sejumlah itu dibuat kepadanya; dan jumlah wang itu hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan dan kena dibayar daripada Akaun Hasil Disatukan.

(2) Jika apa-apa lebihan yang tidak dituntut yang telah dibayar kepada mana-mana pihak menuntut yang kemudiannya dituntut oleh mana-mana orang lain, orang lain itu tidak berhak mendapat bayaran lebihan itu, tetapi orang lain itu boleh membuat tuntutan terhadap pihak menuntut yang telah dibayar lebihan itu.

BAHAGIAN IV

MENCEGAH URUSAN YANG MENYALAH UNDANG-UNDANG

Pemajakgadaian yang menyalahi undang-undang

28. (1) Tiada seorang pun boleh memajakgadaikan atau cuba memajakgadaikan barang kepunyaan mana-mana orang tanpa diberi kuasa atau diambil kerja dengan sempurna bagi maksud itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan pemegang lesen untuk menyiasat apabila transaksi yang dicadangkan menimbulkan syak

29. (1) Apabila mana-mana orang dalam hal keadaan yang menimbulkan syak menawarkan untuk memajakgadaikan apa-apa barang atau menebus apa-apa sandaran atau apabila mana-mana menawarkan untuk memajakgadaikan apa-apa barang atau menebus apa-apa sandaran yang bersamaan dengan perihal yang diberikan kepada seseorang pemegang pajak gadai oleh mana-mana pegawai polis mengenai apa-apa barang yang telah hilang atau yang telah dilupuskan atau diperoleh dengan fraud atau dengan curang, pemegang pajak gadai itu hendaklah menyiasat daripada orang itu bagaimana dia telah memiliki barang atau surat pajak gadai itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan jika orang itu tidak memberikan penjelasan yang memuaskan tentang bagaimana dia telah memilikinya atau memberikan maklumat palsu tentang pemilikannya itu atau tentang nama dan tempat tinggal bagi dirinya, atau bagi pemunya barang atau surat pajak gadai itu, atau jika ada apa-apa sebab lain bagi mengesyaki sesuatu urusan berkenaan dengan barang atau surat pajak gadai itu sebagai curang, pemegang pajak gadai itu hendaklah dengan serta-merta melaporkan urusan yang dicadangkan itu kepada balai polis yang paling hampir.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Anggapan mengenai pemilikan surat pajak gadai

30. Mana-mana orang yang didapati ada dalam miliknya suatu surat pajak gadai hendaklah dianggap sebagai telah ada dalam miliknya sandaran yang dimaksudkan oleh surat pajak gadai itu sehingga dibuktikan sebaliknya.

Harta curi

31. (1) Maklumat mengenai harta yang telah hilang, kena curi atau selainnya dilupuskan dengan fraud hendaklah diberikan oleh polis kepada pemegang lesen dengan seberapa segera yang boleh selepas kehilangan atau fraud itu dilaporkan, bersama dengan senarai dan perihalnya.

(2) Jika mana-mana harta yang menepati senarai dan perihal itu ada dalam milik mana-mana pemegang pajak gadai atau kemudiannya ditawarkan atau ditunjukkan kepada mana-mana pemegang pajak gadai, dia hendaklah tanpa kelengahan yang tidak perlu memberikan maklumat mengenainya di balai polis yang paling hampir atau kepada mana-mana pegawai polis, bersama dengan nama dan alamat orang yang dalam miliknya ada ternampak harta itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Pegawai polis boleh menangkap orang dalam hal keadaan yang menimbulkan syak

32. Mana-mana pegawai polis yang ada sebab bagi mengesyaki bahawa mana-mana orang yang berada di dalam atau merayau-rayau di mana-mana kedai pajak gadai ada padanya apa-apa barang yang telah didapatkan dengan curang, boleh menahan orang itu dan menghendaknya menunjukkan apa-apa barang yang ada padanya itu; dan jika orang itu enggan mematuhi kehendak itu atau menunjukkan apa-apa barang yang pegawai polis ada sebab bagi mengesyaki telah didapatkan dengan menyalahi undang-undang, dia boleh membawa orang itu ke balai polis yang paling hampir untuk diambil tindakan mengikut undang-undang.

33. *(Dipotong oleh Akta A1209)*

Pemulangan sandaran yang didapati dengan curang kepada pemunya oleh pemegang pajak gadai

34. Jika dalam mana-mana prosiding di hadapan mahkamah atau Majistret didapati bahawa apa-apa barang yang telah hilang atau yang didapatkan atau diperoleh dengan curang atau dengan fraud dipegang sebagai pajak gadai oleh mana-mana pemegang pajak gadai, mahkamah atau Majistret itu boleh mengambil keterangan mengenai pemajakgadaan itu, dan jika difikirkan patut oleh mahkamah atau Majistret itu boleh memerintahkan supaya barang itu diserahkan kepada pemunya sama ada dengan dibayar kepada pemegang pajak gadai itu jumlah wang yang telah dipinjamkan atasnya dan keuntungan yang kena dibayar, atau dengan dibayar mana-mana bahagian pinjaman atau keuntungan itu, atau tanpa bayaran, sebagaimana yang difikirkan adil dan wajar memandang kepada kelakuan pemunya dan pemegang pajak gadai itu dan hal keadaan kes itu.

BAHAGIAN IVA

PENYIASATAN, PENGGELEDAHAN DAN TANGKAPAN

Kuasa untuk menyiasat aduan dan menyelidiki maklumat

34A. (1) Tiap-tiap aduan yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dibuat secara lisan atau bertulis kepada seseorang Inspektor atau pegawai polis.

(2) Jika sesuatu aduan dibuat secara lisan, aduan itu hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis dan dibacakan kepada orang yang membuat aduan itu.

(3) Tiap-tiap aduan, sama ada dibuat secara bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis, hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuat aduan itu.

(4) Tiap-tiap aduan, sama ada dibuat secara bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis, hendaklah dicatatkan dalam buku yang disimpan di pejabat Pendaftar atau direkodkan pada apa-apa bahan tara lain asalkan maklumat yang direkodkan pada bahan tara lain itu dapat dihasilkan semula dalam bentuk yang dapat dibaca.

(5) Tiap-tiap aduan yang dicatatkan atau direkodkan di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan tarikh dan masa aduan itu dibuat.

(6) Jika Inspektor atau pegawai polis mempunyai alasan untuk mengesyaki pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini berikutan aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau maklumat yang selainnya diterima olehnya, dia hendaklah menyebabkan suatu penyiasatan dibuat dan bagi maksud sedemikian boleh menjalankan kesemua kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Kuasa Inspektor atau pegawai polis semasa penyiasatan

34B. (1) Tiap-tiap Inspektor atau pegawai polis yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, daripada orang yang mengetahui atau yang dijangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes yang sedang disiasat.

(2) Mana-mana orang yang, apabila dikehendaki oleh Inspektor atau pegawai polis supaya memberikan maklumat di bawah seksyen ini, enggan mematuhi kehendak sedemikian atau mengemukakan sebagai benar mana-mana maklumat yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk dipercayai sebagai palsu melalukan suatu kesalahan.

(3) Jika apa-apa maklumat yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang Inspektor atau pegawai polis terbukti tidak benar atau tidak betul keseluruhannya atau sebahagiannya, tidaklah menjadi pembelaan untuknya mengatakan bahawa maklumat itu atau mana-mana bahagian maklumat itu telah disalahtafsirkan, atau diberikan dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud.

Kuasa memeriksa orang

34c. (1) Seseorang Inspektor atau pegawai polis yang menyiasat sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh—

- (a) memerintahkan supaya mana-mana orang hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu;
- (b) memerintahkan supaya mana-mana orang mengemukakan kepadanya apa-apa buku, dokumen atau apa-apa salinan yang disahkan daripada buku atau dokumen sedemikian, atau apa-apa barang lain yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu; atau
- (c) dengan notis bertulis menghendaki mana-mana orang mengemukakan suatu pernyataan secara bertulis yang dibuat dengan bersumpah atau berikrar, dengan menyatakan dalam notis itu semua maklumat yang dikehendaki, iaitu maklumat yang, pada pendapat Inspektor atau pegawai polis itu, akan dapat membantu dalam penyiasatan kesalahan itu.

(2) Seseorang yang kepadanya suatu perintah di bawah perenggan (1)(a) telah diberikan hendaklah—

- (a) hadir, mengikut terma perintah itu, untuk diperiksa dan hendaklah terus hadir dari hari ke hari sebagaimana yang diarahkan oleh Inspektor atau pegawai polis itu sehingga pemeriksaan selesai; dan
- (b) semasa pemeriksaan sedemikian, mendedahkan segala maklumat yang diketahuinya, atau yang tersedia untuknya, atau yang berupaya didapatkan olehnya, berkenaan dengan perkara berhubung dengannya dia diperiksa, sama ada atau tidak apa-apa soalan ditanyakan kepadanya berkenaan dengan perkara itu, dan jika apa-apa soalan ditanyakan kepadanya dia hendaklah menjawab soalan itu dengan benar dan setakat yang dia tahu dan percaya.

(3) Seseorang yang kepadanya suatu perintah telah diberikan di bawah perenggan (1)(b) tidak boleh menyembunyikan, memusnahkan, mengubah, memindahkan dari atau menghantar keluar dari Malaysia, atau memperlakukan, menggunahabiskan, atau melupuskan, apa-apa buku, dokumen atau barang yang dinyatakan dalam perintah itu, atau mengubah atau mencatatkan apa-apa catatan dalam mana-mana buku atau dokumen sedemikian, atau menyebabkan perbuatan sedemikian dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukan perbuatan sedemikian.

(4) Seseorang yang kepadanya suatu notis bertulis telah diberikan di bawah perenggan (1)(c) hendaklah, dalam pernyataan bertulisnya yang dibuat dengan bersumpah atau berikrar, mengemukakan dan mendedahkan dengan benar kesemua maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu yang dalam pengetahuannya, atau yang terdapat padanya, atau yang berupaya didapatkan olehnya.

(5) Seseorang yang kepadanya suatu perintah atau suatu notis telah diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi perintah atau notis sedemikian dan subseksyen (2), (3) atau (4) berhubung dengan perintah atau notis itu, tetapi tiada apa-apa jua yang terkandung dalam subseksyen (2), (3) atau (4) boleh ditafsirkan sebagai memaksa orang yang sedang disiasat di bawah seksyen ini supaya mendedahkan apa-apa maklumat, buku, dokumen atau barang yang dapat menunjukkan bahawa dia bersalah di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(6) Seseorang Inspektor atau pegawai polis yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (1)(a) hendaklah merekodkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang itu dan pernyataan yang direkodkan sedemikian hendaklah ditandatangani oleh orang yang diperiksa itu atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang itu enggan untuk menandatangani rekod itu, Inspektor atau pegawai polis itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu dengan tandatangannya tentang hakikat keengganan sedemikian dan sebab bagi keengganan itu, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(7) Rekod sesuatu pemeriksaan di bawah perenggan (1)(a), atau pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar yang dibuat menurut perenggan (1)(c), atau mana-mana buku, dokumen atau barang yang dikemukakan di bawah perenggan (1)(b) atau semasa

pemeriksaan di bawah perenggan (1)(a) atau di bawah pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar yang dibuat menurut perenggan (1)(c) hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang bertentangan, boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding dalam mana-mana mahkamah bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, tidak kira sama ada prosiding sedemikian terhadap orang yang telah diperiksa itu, atau yang mengemukakan buku, dokumen atau barang itu, atau yang membuat pernyataan bertulis secara bersumpah atau berikrar itu, atau terhadap mana-mana orang lain.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2), (3), (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengeledahan dengan waran

34D. (1) Jika pada pendapat Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dan selepas apa-apa siasatan yang didapatinya perlu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan atau sedang dilakukan di atau berkenaan dengan mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran memberi kuasa seseorang Inspektor atau pegawai polis yang dinamakan dalam waran itu untuk memasuki premis itu dengan apa-apa bantuan sebagaimana yang diperlukan, dan jika perlu dengan paksaan.

(2) Seseorang Inspektor atau pegawai polis boleh, dalam premis yang dimasuki di bawah subseksyen (1), memeriksa—

- (a) apa-apa buku, akaun atau dokumen, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau dengan munasabah disyaki mengandungi apa-apa maklumat berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan di bawah Akta ini; dan
- (b) apa-apa tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda, barang atau barangan yang dengan munasabah dipercayai memberikan keterangan berkenaan dengan perlakuan kesalahan itu,

dan boleh menyita buku, akaun, dokumen atau data sedemikian atau apa-apa salinan atau cabutan daripada buku, akaun, dokumen atau data sedemikian, atau tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda, barang atau barangan itu.

(3) Seseorang Inspektor atau pegawai polis yang mengendalikan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, jika pada pendapatnya adalah dengan munasabah perlu untuk berbuat demikian bagi maksud penyiasatan kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada dalam, atau di, premis itu dan menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat yang perlu bagi memudahkan pemeriksaan sedemikian.

(4) Seseorang Inspektor atau pegawai polis yang membuat pemeriksaan seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita atau mengambil milik apa-apa buku, akaun, dokumen, kad, surat, risalah, butiran, benda, barang atau barangan yang dijumpai pada orang itu bagi maksud penyiasatan yang sedang dijalankan oleh Inspektor atau pegawai polis itu.

(5) Jika, disebabkan jenis, saiz atau jumlahnya, tidak praktik untuk memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda, barang atau barangan yang disita di bawah seksyen ini, Inspektor atau pegawai polis yang membuat penyitaan itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengunci dengan meterai buku, akaun, dokumen, tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda, barang atau barangan sedemikian dalam premis atau bekas yang dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan meterai yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda, barang atau barangan yang dimeterai itu, atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(7) Apabila perlu untuk berbuat demikian, seseorang Inspektor atau pegawai polis yang menjalankan mana-mana kuasa di bawah subseksyen (1) boleh—

- (a) memecah masuk mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap mana-mana premis dan memasuki premis itu, atau selainnya secara paksa memasuki premis itu dan tiap-tiap bahagian premis itu;
- (b) menghapuskan secara paksa apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pemindahan sedemikian yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau

- (c) menahan mana-mana orang yang ditemui di mana-mana premis yang digeledah di bawah subseksyen (1) sehingga premis sedemikian sudah digeledah.

(8) Tiada seorang pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh Inspektor atau pegawai polis yang sama jantintanya dengan orang yang diperiksa itu.

Penggeledahan tanpa waran

34E. Jika Inspektor atau pegawai polis dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 34D mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa disebabkan oleh kelengahan dalam mendapatkan waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan dimudaratkan atau keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, Inspektor atau pegawai polis itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan, berkenaan dengan premis itu, segala kuasa yang disebut dalam seksyen 34D secara yang penuh dan cukup seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian melalui waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Penyitaan harta alih

34F. (1) Semasa menjalankan penyiasatan tentang sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, seseorang Inspektor atau pegawai polis boleh menyita apa-apa harta alih yang dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki merupakan hal perkara suatu kesalahan di bawah Akta ini atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Penghuni tempat yang digeledah, atau mana-mana orang bagi pihaknya, hendaklah pada setiap masa dibenarkan untuk hadir semasa penggeledahan itu dan suatu senarai kesemua harta alih yang disita menurut subseksyen (1) dan tempat harta itu masing-masing dijumpai hendaklah disediakan oleh Inspektor atau pegawai polis yang melaksanakan penyitaan itu dan ditandatangani olehnya.

(3) Suatu salinan senarai yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disampaikan kepadanya pemunya harta itu atau kepada orang yang daripadanya harta itu telah disita dengan seberapa segera yang boleh dan hendaklah ditandatangani oleh pemunya atau orang itu.

Peruntukan lanjut yang berhubungan dengan penyitaan harta alih

34G. (1) Jika mana-mana harta alih disita di bawah Akta ini, penyitaan itu hendaklah dilaksanakan dengan memindahkan harta alih itu daripada milik, jagaan atau kawalan orang yang daripadanya harta alih itu disita dan meletakkannya di bawah jagaan mana-mana orang atau pihak berkuasa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Inspektor atau pegawai polis itu.

(2) Jika tidak praktik, atau selainnya tidak wajar, untuk melaksanakan pemindahan mana-mana harta di bawah subseksyen (1), Inspektor atau pegawai polis itu boleh meninggalkannya di premis tempat harta itu disita di bawah jagaan mana-mana orang yang ditentukan olehnya bagi maksud itu.

Pelepasan harta yang disita

34H. (1) Jika mana-mana harta telah disita di bawah Akta ini, seseorang Inspektor atau pegawai polis yang lebih tinggi pangkatnya daripada pegawai polis yang menjalankan penyitaan itu boleh, jika tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, atau apabila selesai prosiding bagi kesalahan sedemikian, atau jika harta itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini, melepaskan harta itu kepada pemunya, atau kepada orang yang daripada milik, jagaan atau kawalannya harta itu disita, atau kepada mana-mana orang yang mungkin berhak kepada harta itu, dan dalam hal yang demikian pegawai yang melaksanakan penyitaan, Kerajaan, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan, tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan harta itu dan pelepasan harta itu telah dilaksanakan dengan suci hati.

(2) Suatu catatan bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai yang melaksanakan apa-apa pelepasan harta di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan pelepasan sedemikian dengan menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan sedemikian.

Halangan siasatan dan pengeledahan

34I. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) enggan membenarkan mana-mana Inspektor atau pegawai polis masuk ke mana-mana premis atau mana-mana bahagian premis itu, atau tidak menyerahkan dirinya untuk diperiksa oleh orang yang diberi kuasa untuk memeriksanya di bawah Akta ini;

- (b) mengamang, menghalang, menghadang atau melengahkan seseorang Inspektor atau pegawai polis dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini;
- (c) tidak mematuhi apa-apa permintaan, notis, perintah atau kehendak yang sah daripada seseorang Inspektor atau pegawai polis dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini;
- (d) meninggalkan, enggan atau abai untuk memberi seseorang Inspektor atau pegawai polis apa-apa maklumat yang dikehendaki secara munasabah daripadanya dan yang dia berkuasa untuk memberikannya;
- (e) tidak mengemukakan, atau menyembunyikan atau cuba untuk menyembunyikan daripada, seseorang Inspektor atau pegawai polis apa-apa buku, akaun, dokumen, data, tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda, barang atau barangan berhubung dengannya Inspektor atau pegawai polis itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah atau sedang dilakukan, atau yang boleh disita di bawah Akta ini;
- (f) mendapatkan balik atau berusaha untuk mendapatkan balik atau menyebabkan supaya didapatkan balik apa-apa benda yang telah disita dengan sewajarnya; atau
- (g) memusnahkan apa-apa benda untuk menghalang penyitaan atau perolehan benda itu,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat dalam pelakuan apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang, semasa melakukan atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (2), menyebabkan kecederaan kepada seseorang Inspektor atau pegawai polis atau mana-mana pegawai awam yang sedang menjalankan penguatkuasaan Akta ini boleh, sebagai tambahan kepada hukuman sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (2), dikenakan sebatan.

Kesalahan yang boleh disita

34j. (1) Tiap-tiap kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini hendaklah merupakan kesalahan boleh ditangkap.

(2) Seseorang Inspektor boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk bertindak

34k. Seseorang Inspektor semasa bertindak di bawah Bahagian ini hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak apa-apa pemberikuasaan bertulis sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar supaya dibawa oleh Inspektor itu.

BAHAGIAN IVB

KETERANGAN

Keterangan rakan sejenayah dan ejen provokasi

34l. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang bertentangan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) tiada saksi boleh disifatkan sebagai rakan sejenayah semata-mata oleh sebab saksi sedemikian telah—
 - (i) menyetujui terima, menerima, mendapat, memujuk, bersetuju untuk menyetujui terima atau menerima, atau cuba untuk mendapatkan apa-apa jumlah wang daripada seseorang pemegang pajak gadai; atau
 - (ii) terlibat dengan apa-apa cara dalam pelakuan kesalahan itu atau tahu mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) tiada ejen provokasi, sama ada dia seorang Inspektor atau pegawai polis atau tidak, boleh dianggap tidak boleh dipercayai hanya oleh sebab dia telah cuba untuk melakukan atau telah bersubahat dalam pelakuan, atau telah bersubahat atau telah terlibat dalam pakatan jenayah untuk melakukan, kesalahan sedemikian jika maksud utama percubaan untuk melakukan, persubahatan dalam pelakuan, atau

persubahatan atau penglibatan dalam pakatan jenayah untuk melakukan, kesalahan itu adalah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang sedemikian; dan

- (c) apa-apa pernyataan, sama ada secara lisan atau bertulis, yang dibuat kepada seseorang ejen provokasi oleh orang sedemikian hendaklah boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraannya.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang bertentangan, sesuatu sabitan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini hanya berdasarkan keterangan tidak disokong yang diberikan oleh mana-mana rakan sejenayah atau ejen provokasi tidak boleh menjadi tidak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan semata-mata kerana mahkamah yang membicarakan kes itu tidak menyebut dalam alasan penghakimannya tentang keperluan untuk mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan keterangan sedemikian.

Perlindungan kepada pemberi maklumat dan maklumat

34M. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian ini, tiada aduan mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah, dan tiada saksi boleh diwajibkan atau dibenarkan untuk mendedahkan nama atau alamat mana-mana orang yang memberikan maklumat, atau isi kandungan dan jenis maklumat yang diterima daripadanya, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada penzahirannya.

(2) Jika apa-apa permohonan, butiran, penyata, akaun, dokumen atau pernyataan bertulis yang diberikan sebagai keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang di dalamnya seseorang yang telah memberikan maklumat itu dinamakan atau diperihalkan, atau yang mungkin membawa kepada penzahirannya, maka mahkamah yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan semua catatan sedemikian disembunyikan daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi orang itu daripada penzahiran, tetapi tidak lebih daripada itu.

(3) Jika dalam mana-mana prosiding berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini mahkamah, selepas siasatan penuh

ke atas kes itu, berpendapat bahawa orang yang telah memberikan maklumat itu telah membuat dengan niat jahat dalam aduannya suatu pernyataan matan yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau yang dia tidak percaya adalah benar, atau berpendapat bahawa keadilan tidak dapat ditegakkan dengan sepenuhnya antara pihak kepada prosiding itu tanpa penzahiran orang yang memberi maklumat itu, mahkamah boleh menghendaki pengemukakan aduan yang asal, jika secara bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan sepenuhnya berkenaan dengan orang itu.

Kebolehterimaan pernyataan oleh orang yang dituduh

34N. (1) Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh mahkamah mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu merupakan pengakuan atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan atau tidak dan sama ada kesemua atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan atau tidak, oleh seseorang yang dituduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana Inspektor atau pegawai polis, sama ada diterjemahkan kepadanya atau tidak oleh mana-mana Inspektor atau pegawai polis lain atau mana-mana orang lain, sama ada Inspektor, pegawai polis atau orang lain itu terlibat dalam penangkapan orang itu atau tidak, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang bertentangan, boleh diterima semasa perbicaraannya sebagai keterangan dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, apa-apa pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu didapati oleh mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datangnya daripada seorang yang berkuasa dan cukup pada pandangan mahkamah untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah bagi menyangka bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa kebaikan atau mengelakkan apa-apa keburukan yang bersifat keduniaan yang berkaitan prosiding terhadapnya.

(3) Jika mana-mana orang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan kepadanya suatu notis secara bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya, yang bermaksud seperti yang berikut:

“Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas (kesalahan yang mungkin dipertuduhkan di bawah Akta ini). Adakah kamu ingin menyatakan apa-apa? Jika terdapat apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini mungkin membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.”.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu pernyataan oleh mana-mana orang tertuduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang dibuat sebelum ada masa untuk menyampaikan notis bertulis di bawah subseksyen itu tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana tiada notis bertulis sedemikian telah disampaikan kepadanya jika notis bertulis itu telah disampaikan kepadanya dengan seberapa segera yang semunasabahnya mungkin selepas pernyataan itu dibuat.

(5) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang orang tertuduh sebagai jawapan kepada notis bertulis yang disampaikan kepadanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

(6) Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, selepas dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa bagi kesalahan itu, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu dia semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah, dalam menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie*

terhadap tertuduh dan dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu, boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai, atau sebagai dapat merupakan, sokongan bagi apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh berhubung dengannya kegagalan itu merupakan suatu perkara material.

(7) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (6) boleh dalam mana-mana prosiding jenayah—

- (a) menjejaskan kebolehterimaan sebagai keterangan perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh semasa apa-apa jua dikatakan dalam kehadirannya yang berhubungan dengan kelakuan berkenaan dengannya dia dipertuduh, setakat yang keterangan sedemikian akan boleh diterima selain oleh sebab subseksyen itu; atau
- (b) dikira sebagai menghalang pembuatan apa-apa kesimpulan daripada apa-apa perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh yang dapat dibuat selain oleh sebab subseksyen itu.

Peruntukan mengenai keterangan

34o. (1) Salinan sesuatu lesen yang disahkan oleh Pendaftar sebagai salinan benar lesen itu, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan bagi semua maksud yang baginya salinan asal bagi salinan itu boleh diterima sekiranya salinan asal itu dikemukakan dan diterima sebagai keterangan, tanpa bukti tandatangan atau kuasa orang yang menandatangani lesen atau salinan lesen itu.

(2) Apabila dalam mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini adalah perlu untuk membuktikan bahawa seseorang merupakan atau bukan pemegang pajak gadai, perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh Pendaftar dan memperakui bahawa orang itu merupakan atau bukan pemegang pajak gadai hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi bukti *prima facie* tentang fakta yang perakui dalam perakuan itu, tanpa bukti tandatangan atau kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan perakuan itu.

BAHAGIAN V

PERBICARAAN DAN PROSIDING

Majistret Kelas Pertama mempunyai bidang kuasa di bawah Akta ini

35. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, sesuatu mahkamah Majistret Kelas Pertama mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan secara terus apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan untuk mengenakan hukuman penuh bagi sesuatu kesalahan itu.

Hadiah kepada pemberi maklumat

36. Seseorang Majistret boleh menghukumkan supaya mana-mana bahagian denda yang dikenakan di bawah Akta ini dibayar kepada pemberi maklumat atau mana-mana orang yang difikirkan oleh Majistret itu telah menanggung kerugian akibat sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh orang yang dikenakan denda itu.

Notis awam

37. Seseorang Majistret boleh memerintahkan bahawa notis awam yang difikirkannya patut hendaklah diberikan bagi meminta semua orang yang menuntut sesuatu kepentingan atas apa-apa barang yang dilucuthakkan di bawah Akta ini untuk membuat tuntutan dalam suatu tempoh yang ditetapkan dan boleh membuat keputusan atas apa-apa tuntutan yang dibuat; dan selepas tamat tempoh itu semua barangan yang tidak dituntut sedemikian hendaklah menjadi harta Kerajaan dan boleh dilupuskan dengan lelongan awam atau dengan selainnya sebagaimana yang diarahkan oleh Majistret itu.

38. (*Dipotong oleh Akta A1209*)

BAHAGIAN VI

PENALTI DAN PELUCUTHAKAN

Pernyataan palsu atau representasi untuk mendorong pemajagadaian menjadi suatu kesalahan

39. Mana-mana orang—

- (a) yang merupakan pemegang pajak gadai atau pekerja seseorang pemegang pajak gadai;

- (b) jika pemegang pajak gadai merupakan suatu syarikat, yang menjadi pengarah, pengurus besar, pengurus atau pegawai lain syarikat itu;
- (c) jika pemegang pajak gadai merupakan suatu pertubuhan, yang menjadi presiden, naib presiden, setiausaha, bendahari atau pegawai lain pertubuhan itu; atau
- (d) jika pemegang pajak gadai merupakan firma atau kumpulan orang yang lain, yang menjadi pekongsi atau anggota, atau pegawai lain firma atau kumpulan orang itu,

yang, dengan apa-apa pernyataan, representasi atau janji yang palsu, mengelirukan atau memperdaya atau dengan apa-apa penyembunyian orang apa-apa fakta material, secara tidak jujur mendorong atau cuba untuk mendorong secara fraud mana-mana orang supaya menggadaikan apa-apa barang atau bersetuju dengan terma yang berdasarkannya sesuatu barang itu dipajakgadaikan atau akan dipajakgadaikan, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan am

40. Mana-mana orang yang—

- (a) bagi maksud pemberian sesuatu lesen kepada dirinya sendiri atau kepada mana-mana orang lain, atau bagi menghalang pengenaan apa-apa syarat berhubung dengan lesen itu, membuat apa-apa pernyataan atau pengakuan yang dia tahu adalah palsu atau tidak betul, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, atau mengelirukan dalam apa-apa perkara material;
- (b) mengemukakan apa-apa butir atau dokumen berhubung dengan sesuatu permohonan bagi pemberian sesuatu lesen yang dia tahu adalah palsu atau tidak betul atau mengelirukan dalam apa-apa perkara material;
- (c) membuat apa-apa catatan dalam daftar, rekod, penyata, akaun atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki supaya disimpan, disenggarakan atau dikemukakan di bawah Akta ini, yang adalah palsu atau tidak betul atau mengelirukan dalam apa-apa perkara material;

- (d) mengubah, mengganggu, mencacatkan atau merusakkan apa-apa lesen atau dokumen lain yang dikehendaki supaya dipamerkan di premis pemegang pajak gadai, atau meminjamkan atau membenarkan lesen atau dokumen itu digunakan oleh mana-mana orang lain;
- (e) memalsukan, atau ada dalam simpanannya dengan niat untuk memperdaya sesuatu dokumen yang sebegini menyerupai lesen, rekod, penyata, akaun atau mana-mana dokumen lain yang dikehendaki supaya disimpan, disenggarakan atau dikemukakan di bawah Akta ini;
- (f) mengubah mana-mana catatan yang dibuat dalam sesuatu daftar, lesen, rekod, penyata, akaun atau mana-mana dokumen lain yang dikehendaki supaya disimpan, disenggarakan atau dikemukakan di bawah Akta ini;
- (g) mempamerkan di premis pemegang pajak gadai suatu lesen atau mana-mana dokumen lain yang dikehendaki supaya dipamerkan di premis itu, jika lesen atau dokumen sedemikian telah diubah, diganggu, dicacatkan atau dirosakkan;
- (h) mempamerkan di premis pemegang pajak gadai versi tiruan sesuatu lesen atau dokumen lain yang dikehendaki supaya dipamerkan di premis itu;
- (i) menyediakan, menyenggarakan atau membenarkan penyediaan atau penyenggaraan versi palsu bagi rekod, penyata, akaun atau mana-mana dokumen lain yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah Akta ini; atau
- (j) memalsukan atau membenarkan pemalsuan rekod, penyata, akaun atau mana-mana dokumen lain yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini, apabila telah dibuktikan bahawa apa-apa permohonan, pernyataan, akuan, butir, penyata, akaun, rekod atau dokumen lain adalah palsu atau tidak betul secara keseluruhannya atau sebahagiannya, atau mengelirukan dalam mana-mana perkara material, hendaklah

dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa permohonan, pernyataan, akuan, butir, penyata, akaun, rekod atau dokumen lain itu adalah palsu atau tidak betul, atau mengelirukan dalam mana-mana perkara material, dengan pengetahuan orang yang membuat, menyediakan, menyenggarakan, menandatangani, menyerahkan atau membekalkannya.

(3) Walau apa pun perenggan (1)(g) atau (h), seseorang tidak boleh didapati bersalah bagi sesuatu kesalahan jika dia membuktikan bahawa telah bertindak dengan suci hati dan tidak mempunyai alasan yang munasabah bagi menjangkakan bahawa lesen atau mana-mana dokumen lain yang dipamerkan di premisnya telah diubah, diganggu, dicatitkan atau dirosakkan, atau bahawa lesen atau dokumen itu merupakan lesen atau dokumen tiruan.

(4) Jika seseorang Inspektor atau pegawai polis mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu lesen atau mana-mana dokumen lain yang dipamerkan di premis pemegang pajak gadai, atau sesuatu lesen, rekod, akaun, penyata atau mana-mana dokumen lain yang dikemukakan kepadanya menurut Akta ini oleh orang yang menjaga premis itu merupakan lesen, rekod, akaun, penyata atau dokumen yang berhubung dengannya suatu kesalahan di bawah seksyen ini telah dilakukan, dia boleh menyita lesen, rekod, akaun, penyata atau dokumen itu.

Kesalahan oleh awam

41. Seseorang yang—

- (a) memajakgadaikan atau cuba memajakgadaikan kepada seorang pemegang pajak gadai apa-apa barang yang dia tidak dapat menerangkan dengan memuaskan hati bagaimana dia memilikinya;
- (b) menebus atau cuba menebus apa-apa sandaran dengan menggunakan surat pajak gadai yang dia tidak dapat menerangkan dengan memuaskan hati bagaimana dia memilikinya;
- (c) membeli atau cuba untuk membeli mana-mana surat pajak gadai; atau

- (d) dengan sengaja memberikan apa-apa maklumat palsu kepada seseorang pemegang pajak gadai berkenaan dengan apa-apa surat pajak gadai yang dikatakan telah hilang, binasa atau didapati dengan fraud,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.

Penalti am

41A. Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tidak ada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pelucuthakan barangan

42. Semua barangan yang berkenaan dengannya sesuatu kesalahan telah dilakukan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dilucuthakkan, tertakluk kepada apa-apa hak untuk memilikinya oleh mana-mana orang yang tidak menjadi pihak kepada kesalahan itu.

BAHAGIAN VII

AM

Pendakwaan

43. Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

Kesalahan oleh syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain

43A. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh seseorang pemegang pajak gadai dan—

- (a) pemegang pajak gadai itu merupakan suatu syarikat, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu merupakan pengarah, pengurus besar, pengurus, setiausaha

atau pegawai lain yang serupa itu bagi syarikat itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian;

- (b) pemegang pajak gadai itu merupakan suatu pertubuhan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu merupakan presiden, naib presiden, setiausaha, bendahari atau pegawai lain yang serupa itu bagi pertubuhan itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian;
- (c) pemegang pajak gadai itu merupakan suatu firma atau kumpulan orang yang lain, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu merupakan pekongsi atau anggota atau pegawai lain yang serupa itu bagi firma atau kumpulan orang yang lain itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian,

hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya, dan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan usaha yang sewajarnya untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Pendakwaan mana-mana orang di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu kesalahan tidak menghalang pendakwaan terhadap syarikat, pertubuhan, firma atau kumpulan orang yang lain itu bagi kesalahan itu.

(3) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dengan nyata, mana-mana perbuatan atau peninggalan oleh seseorang pekerja pemegang pajak gadai hendaklah, bagi maksud apa-apa pendakwaan atau prosiding di bawah Akta ini, disifatkan sebagai perbuatan atau peninggalan pemegang pajak gadai itu, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa perbuatan atau peninggalan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan pemegang pajak gadai itu, atau bahawa segala langkah dan langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk mencegah pelakuan perbuatan atau peninggalan sedemikian.

(4) Jika apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh seseorang pekerja pemegang pajak gadai akan menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini jika dilakukan oleh pemegang pajak gadai itu, pekerja pemegang pajak gadai itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu.

Penyampaian pemberitahuan atau dokumen

43b. (1) Apa-apa pemberitahuan atau dokumen yang dikehendaki supaya diberikan atau disampaikan di bawah Akta ini boleh dihantar melalui pos berdaftar bayar dahulu kepada orang yang kepadanya pemberitahuan atau dokumen itu dikehendaki supaya diberikan atau disampaikan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika sesuatu pemberitahuan atau dokumen disampaikan melalui pos berdaftar bayar dahulu, pemberitahuan atau dokumen itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang yang kepadanya pemberitahuan atau dokumen itu dialamatkan pada hari yang mengikuti hari pemberitahuan atau dokumen itu sepatutnya diterima dalam perjalanan biasa pos, jika pemberitahuan atau dokumen itu dialamatkan ke alamat yang dibenarkan bagi orang yang kepadanya pemberitahuan atau dokumen itu diniatkan untuk dihantar.

Kuasa untuk mengkompaun

43c. (1) Pendaftar atau mana-mana Inspektor yang diberi kuasa secara khusus dengan bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Pendaftar boleh, dengan persetujuan Pendakwa Raya, mengkompaunkan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan menyetujui terima daripada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu dan yang kepadanya suatu tawaran untuk mengkompaun telah dibuat suatu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu.

(2) Sesuatu tawaran untuk mengkompaun di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan bagi kesalahan itu dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar atau Inspektor yang diberi kuasa secara khusus di bawah subseksyen (1), pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas tempoh itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh, dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (3), dimulakan berkenaan dengan kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan itu telah dibuat.

(5) Kesemua wang yang dibayar kepada Pendaftar atau kepada Inspektor yang diberi kuasa secara khusus di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

44. *(Dipotong oleh Akta A1209)*

Kuasa membuat peraturan-peraturan

45. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sedemikian yang suai manfaat atau perlu bagi maksud memberikan kuat kuasa penuh kepada Akta ini, atau bagi menjalankan atau mencapai tujuan dan maksud Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) tatacara yang hendaklah diikuti dalam membuat permohonan bagi mendapatkan lesen, termasuk borang yang hendaklah digunakan, syarat yang hendaklah dipatuhi, dan dokumen serta maklumat yang hendaklah dikemukakan berkenaan dengan permohonan sedemikian;
- (b) perkara yang hendaklah dipertimbangkan berkenaan dengan pemberian sesuatu lesen kepada seseorang;
- (c) tatacara berkenaan dengan penyerahan, penggantungan dan pembatalan lesen;
- (d) tatacara bagi pengeluaran salinan sesuatu lesen, jika lesen itu hilang atau musnah;
- (e) kesalahan yang boleh dikompaunkan dan tatacara bagi mengkompaunkan kesalahan sedemikian;
- (f) fi yang kena dibayar, cara pembayaran fi dan orang yang kena membayar fi, pengecualian mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran fi sedemikian, atau pengurangan fi sedemikian;

- (g) bentuk daftar dan rekod lain yang hendaklah disimpan dan disenggarakan oleh Pendaftar, tatacara dan perkara lain yang berhubungan dengan pembukaan, penyenggaraan dan penutupan daftar, pemeriksaan dan pengambilan cabutan daripada daftar atau rekod, pembekalan salinan daftar atau rekod dan fi yang kena dibayar bagi pemeriksaan, cabutan dan salinan sedemikian;
- (h) bentuk surat pajak gadai yang hendaklah digunakan oleh pemegang pajak gadai dan perkara lain yang berhubungan dengan surat pajak gadai sedemikian;
- (i) borang yang hendaklah digunakan oleh pemegang pajak gadai untuk mengemukakan penyata kepada pemajak gadai di bawah seksyen 25.

(3) Apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggaran peruntukan peraturan-peraturan sedemikian hendaklah menjadi suatu kesalahan dan boleh mengadakan peruntukan bagi pengenaan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pengecualian

46. Orang yang berikut dikecualikan daripada peruntukan Akta ini:

- (a) sesuatu bank yang diberi lesen untuk menjalankan perniagaan bank di Malaysia;
- (b) Bank Pertanian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 [*Akta 9*]; dan
- (c) sesuatu syarikat kerjasama yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia berhubung dengan syarikat kerjasama.

Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian

46A. (1) Menteri boleh—

- (a) selepas menimbang hal keadaan istimewa berhubung dengan jenis perniagaan mana-mana orang dan kedudukan kewangannya; dan

- (b) jika dia berpuas hati bahawa tidak bertentangan dengan kepentingan awam untuk berbuat demikian,

melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana pemegang pajak gadai daripada mana-mana peruntukan Akta ini, dan pengecualian sedemikian hendaklah diberikan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu, dan boleh dijadikan tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan atau syarat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Menteri dalam pemberitahuan itu.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana pengecualian yang diberikan olehnya di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati, selepas memberi pemegang pajak gadai yang berkenaan peluang untuk didengar, bahawa pemegang pajak gadai itu tidak mematuhi apa-apa batasan, sekatan atau syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian itu telah diberikan, atau bahawa tidak lagi sesuai selainnya untuk pemegang pajak gadai itu terus diberi pengecualian.

Pemansuhan

47. Ordinan dan Enakmen yang dinyatakan dalam Jadual dimansuhkan.

Peruntukan peralihan dan kecualian

48. (1) Peruntukan peralihan dan kecualian yang berikut hendaklah berkuat kuasa walau apa pun peruntukan seksyen 47 atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini.

(2) Segala perintah, arahan, pelantikan dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah peruntukan Ordinan dan Enakmen yang telah dimansuhkan oleh Akta ini dan yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan itu, setakat yang ia selaras dengan Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di bawah Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga peruntukan lain dibuat di bawah Akta ini atau sehingga tarikh ia tamat.

(3) Jika apa-apa lesen telah diberikan kepada mana-mana pemegang pajak gadai di bawah sesuatu Ordinan atau Enakmen yang telah dimansuhkan oleh Akta ini atau apa-apa kontrak telah dibuat di bawahnya, lesen atau kontrak itu hendaklah berkuat kuasa sehingga tarikh ia tamat walaupun Ordinan atau Enakmen itu telah dimansuhkan oleh Akta ini.

Penerusan prosiding jenayah dan sivil

49. Tertakluk kepada Akta ini, pemansuhan Ordinan dan Enakmen di bawah seksyen 47 atau apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang itu untuk didakwa atau dihukum kerana kesalahan yang dilakukan di bawah Ordinan dan Enakmen tersebut sebelum tarikh yang ditetapkan itu, atau apa-apa prosiding (sama ada sivil atau jenayah) yang diambil atau apa-apa hukuman yang dijatuhkan sebelum tarikh itu mengenai kesalahan itu.

JADUAL

[Seksyen 47]

Pawnbrokers Enactment F.M.S. Cap. 85.

Pawnbrokers Ordinance S.S. Cap. 216.

Pawnbrokers Ordinance Sabah Cap. 94.

Pawnbrokers Ordinance Sarawak Cap. 115.

Pawnbrokers Enactment Johore No. 36.

Pawnbrokers Enactment Kedah No. 71.

Pawnbrokers Enactment Perlis No. 5 of 1935.

Pawnbrokers Enactment Trengganu No. 42 of 1356.

Pawnbrokers Farm Enactment Kelantan No. 8 of 1910.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 81****AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A324	Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Peluasan) 1976	10-01-1976
Akta A1209	Akta Pemegang Pajak Gadai (Pindaan) 2003	01-01-2004

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 81

AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk Panjang	Akta A1209	01-01-2004
2	Akta A1209	01-01-2004
3	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
3A-3B	Akta A1209	01-01-2004
4	Akta A1209	01-01-2004
7	Akta A1209	01-01-2004
8	Akta A1209	01-01-2004
8A	Akta A1209	01-01-2004
9	Akta A1209	01-01-2004
10	Akta A1209	01-01-2004
10A-10C	Akta A1209	01-01-2004
11	Akta A1209	01-01-2004
11A-11G	Akta A1209	01-01-2004
12	Akta A1209	01-01-2004
13	Akta A1209	01-01-2004
13A-13C	Akta A1209	01-01-2004
14	Akta A1209	01-01-2004
15	Akta A1209	01-01-2004
16	Akta A1209	01-01-2004

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
17	Akta A1209	01-01-2004
18	Akta A1209	01-01-2004
19	Akta A1209	01-01-2004
20	Akta A1209	01-01-2004
21	Akta A1209	01-01-2004
22	Akta A1209	01-01-2004
23	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
24	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
25	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
26	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
28	Akta A1209	01-01-2004
29	Akta A1209	01-01-2004
30	Akta A1209	01-01-2004
31	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
33	Akta A1209	01-01-2004
34	Akta A1209	01-01-2004
34A-34O	Akta A1209	01-01-2004
38	Akta A1209	01-01-2004
39	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
40	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
41	Akta 160 Akta A1209	29-08-1975 01-01-2004
41A	Akta A1209	01-01-2004

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
43	Akta A324	01-01-1979
43A-43C	Akta A1209	01-01-2004
44	Akta A1209	01-01-2004
45	Akta A1209	01-01-2004
46A	Akta A1209	01-01-2004
